


Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur, oleh Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Tunku Abdul Rahman melaungkan "Merdeka" sebanyak tujuh kali dan disambut oleh ribuan rakyat yang membanjiri Stadium Merdeka. Serentak dengan itu, lambang perpaduan, keutuhan dan kedaulatan bangsa, iaitu Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan dan diiringi dengan lagu kebangsaan *Negaraku*. Selepas itu, sebanyak 101 das tembakan meriam dilepaskan menandakan Persekutuan Tanah Melayu telah menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.



Menghayati Patriotisme
demi
Kedaulatan Negara

Lantaran peristiwa bersejarah itu, kehadiran bulan Ogos dinantikan oleh seluruh rakyat Malaysia kerana pada bulan tersebut, Malaysia akan meraikan sambutan Hari Kebangsaan negara. Pada bulan Ogos juga menunjukkan semangat patriotik rakyat Malaysia berkobar-kobar untuk meraikan sambutan Hari Kebangsaan. *Jalur Gemilang* juga berkibar di merata-rata tempat seperti di bangunan kerajaan, swasta, rumah atau pada kenderaan persendirian. Lagu dan filem berunsur patriotik pula dimainkan di corong radio mahupun di dalam televisyen. Selain itu, organisasi kerajaan, swasta, universiti dan sekolah juga turut mengadakan pelbagai aktiviti yang bukan sahaja menyeronokkan, tetapi juga memberikan peluang kepada rakyat untuk memahami dan menghargai sejarah dan makna kemerdekaan negara. Antara aktiviti yang diadakan termasuklah Pertandingan Melukis dan Mewarna *Jalur Gemilang*, Pameran Kemerdekaan, Pertandingan Deklamasi Sajak Patriotik, Pertandingan Nyanyian Lagu Patriotik, Eksplorasi Kemerdekaan dan Perarakan Kemerdekaan. Keadaan ini secara tidak langsung telah membangkitkan patriotisme dalam kalangan rakyat, terutamanya kepada golongan remaja dan kanak-kanak.

Memahami Nilai Patriotisme


Pada umumnya, patriotisme dikaitkan dengan semangat, perasaan, sikap, kesedaran dan idealisme yang menyentuh soal kebangsaan, kenegaraan, tanggungjawab, perjuangan, kesetiaan, pengorbanan, kecintaan, ketahanan diri dan sumbangan warganegara terhadap negara, agama dan bangsa. Semangat inilah yang akan mencorakkan daya ketahanan dan keazaman yang tinggi dalam kalangan individu untuk mendaulatkan bangsa dan negara. Perdana Menteri kelima, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi pernah berkata, "Segala kejayaan yang dicapai pada hari ini ditunjangi oleh usaha dan pengorbanan pejuang terdahulu. Tunku Abdul Rahman telah berjuang mendapatkan kemerdekaan negara, Tun Abdul Razak berusaha memajukan pembangunan negara, Tun Hussein Onn memerah keringat memupuk perpaduan rakyat dan Tun Dr. Mahathir Mohamad berusaha mencipta pemodenan negara, merekalah yang membawa Malaysia ke tahap kita berada pada hari ini." Oleh itu, sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita harus menghargai pengorbanan pemimpin dan tokoh pejuang terdahulu seperti Dol Said, Mat Kilau dan Rosli Dobby dengan mempertahankan kedaulatan dan kemakmuran negara.

Menurut *Kamus Dewan Perdana*, patriotisme merujuk perasaan atau semangat cinta akan tanah air dan rela mengorbankan diri untuk mempertahankannya. Oleh itu, untuk menjadi seorang warganegara yang mempunyai

nilai patriotisme, kita seharusnya mempunyai kefahaman terhadap sistem pentadbiran negara yang melibatkan ilmu tentang sejarah pentadbiran negara, kemasyarakatan, sistem demokrasi negara, sistem kerajaan dan sistem beraja. Kita juga perlu berbangga sebagai rakyat Malaysia dengan menghormati raja dan pemimpin negara, menghormati lambang negara seperti jata, bendera, lagu, bahasa, serta mempertahankan maruah negara dan menghargai kepelbagaian budaya bangsa. Di samping itu, seorang rakyat juga sewajarnya memiliki perasaan sayang akan negara, iaitu berkorban tanpa mengharapkan sebarang ganjaran atau imbuhan kerana negara merupakan tempat tumpahnya darah mereka selain hidup bersatu-padu dan berharmoni, bertolak ansur dan bertoleransi tanpa mengira kaum dan pegangan agama.

Mempertahankan Keselamatan Negara

Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, agama, bahasa dan budaya mempunyai cabaran yang besar dalam mempertahankan keselamatan dan menyatupadukan rakyatnya. Namun begitu, sekiranya setiap rakyat mempunyai nilai patriotisme yang jitu dalam diri, isu tersebut pasti akan dapat diatasi kerana setiap perkara yang dibuat didedikasikan untuk kesejahteraan negara. Nikmat kemerdekaan yang diwarisi oleh kita pasti akan dapat dipertahankan dengan nilai patriotisme sebagai perisai paling ampuh untuk mempertahankannya.



Sebagai contoh, pada tahun 2013, keamanan dan kesejahteraan negara teruji apabila kawasan Lahad Datu dan Semporna di Sabah, telah diserang oleh pengganas kesultanan Sulu. Lantaran peristiwa tersebut, kawalan keselamatan di perairan negara telah diperketat dengan penubuhan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) dan Zon Selamat Pantai Timur Sabah (ESSZONE). Selain itu, situasi yang berlaku terhadap Iraq yang diserang ketika menyambut ulang tahun ke-70 kemerdekaannya juga merupakan antara peristiwa yang boleh dijadikan sebagai iktibar kepada rakyat Malaysia.

Hal ini jelas memberikan peringatan kepada rakyat Malaysia bahawa kita tidak boleh leka dengan tahap keselamatan dan kedaulatan negara kerana musuh boleh menyerang pada bila-bila masa sahaja. Bukan itu sahaja, rakyat juga harus peka dan tidak terpengaruh dengan penjajahan baharu ekoran perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang semakin pesat, khususnya media sosial. Kita perlu menanamkan semangat cinta akan negara dan mempersiapkan diri dengan segala ilmu agar tidak mudah terpengaruh dengan anasir luar yang cuba meracun jiwa dan minda kita tanpa sedar.

Mengenal Simbol Kedaulatan Negara

Perkara asas yang boleh menunjukkan nilai patriotisme dalam diri setiap rakyat adalah dengan mengenali dan menghormati simbol kebesaran dan kedaulatan negara. Antaranya termasuklah bendera kebangsaan, jata negara, lagu kebangsaan, bahasa kebangsaan, bunga kebangsaan Malaysia, Rukun Negara, Tugu Negara, Istana Negara dan Parlimen.

Bendera kebangsaan, iaitu *Jalur Gemilang* mempunyai nilai dan darjat yang melambangkan kedaulatan, kemerdekaan dan kebebasan negara. Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita harus menghormati dan berbangga dengan *Jalur Gemilang* walau di mana juga kita berada. Kita tidak seharusnya menjadikan *Jalur Gemilang* sebagai alat untuk kepentingan politik dan provokasi

kepada mana-mana pihak, sebagai contoh memasang *Jalur Gemilang* secara terbalik. Di beberapa buah negara, terdapat akta khusus berkaitan dengan kesalahan menghina bendera kebangsaan negara mereka. Mungkin telah tiba masanya, Malaysia juga mempunyai akta khusus berkaitan dengan *Jalur Gemilang* seperti di Amerika Syarikat, India, Singapura dan beberapa buah negara lain yang mengenakan tindakan tegas kepada rakyat yang menghina bendera kebangsaan mereka.


Selain bendera kebangsaan, lagu kebangsaan juga perlu dihormati oleh setiap rakyat. Mahat Jamal dalam kajiannya bertajuk "Semangat Patriotisme melalui lagu Patriotik: Kajian Persepsi Beberapa Orang Belia di Kota Kinabalu, Sabah, menyatakan bahawa pada tahun 1950-an hingga tahun 1960-an, lagu *Negaraku* bukan sahaja dinyanyikan pada perhimpunan sekolah, tetapi juga dimainkan di pawagam sebelum dan setelah tayangan sesuatu filem. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat dahulu mempunyai kesedaran patriotisme yang tinggi berbanding dengan masyarakat kini.

Malah mereka juga akan berdiri sebagai tanda menghormati lagu *Negaraku* walaupun hanya mendengarnya melalui radio. Namun begitu, pada zaman ini, terdapat segelintir masyarakat yang sengaja mempersendakan lagu kebangsaan dan mencipta provokasi antara rakyat berbilang kaum. Oleh itu, kerajaan Malaysia harus mencontohi pendekatan yang diambil oleh kerajaan China, iaitu menahan individu yang menghina lagu kebangsaan negaranya selama 15 hari. Undang-undang yang diluluskan oleh Kongres Rakyat Nasional China itu adalah untuk melindungi maruah lagu kebangsaan negaranya sekali gus meningkatkan nilai patriotisme dalam kalangan rakyat mereka.

Menghargai Kepelbagaian Bentuk Patriotisme

Menghormati lambang kebesaran negara seperti bendera dan lagu kebangsaan bukanlah satu-satunya cara untuk mengukur nilai patriotisme dalam diri rakyat. Hal ini demikian kerana semangat ini boleh diluahkan dalam pelbagai bentuk. Sebagai contoh, sikap menghargai harta benda awam dan menjaga kebersihan alam sekitar. Setiap rakyat boleh mengamalkan cara hidup yang sihat dengan menjaga kebersihan kawasan sekitar dan tidak melakukan vandalisme terhadap harta benda awam. Namun begitu, amalan tersebut masih berada pada tahap yang rendah, kerana masih terdapat banyak pencemaran udara, air dan darat berlaku di merata-rata tempat.

Nilai patriotisme perlu dipupuk sejak kecil, iaitu sewaktu di rumah dan di sekolah untuk memastikan pemupukan nilai tersebut tersemat dalam sanubari



pelajar dan berkekalan hingga dewasa. Sistem pendidikan merupakan satu daripada wahana yang mampu memupuk nilai patriotisme dalam diri anak-anak. Bak kata pepatah melentur biarlah waktu rebung. Pada dasarnya, kurikulum pendidikan sekolah di Malaysia telah menyediakan dua mata pelajaran untuk memenuhi nilai murni ini, iaitu Sejarah dan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dalam usaha untuk mendidik jati diri pelajar agar cinta akan negaranya.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran tersebut juga boleh dipelbagaikan oleh guru, tidak hanya dengan menggunakan buku teks semata-mata. Sebagai contoh, memaparkan video kisah pejuang kemerdekaan terdahulu untuk dihayati oleh pelajar. Penceritaan secara langsung oleh individu yang berada dalam situasi sebenar berkemungkinan dapat menyentuh emosi dan penghayatan pelajar untuk memahami kisah perjuangan tokoh sejarah Melayu.

Selain itu, ibu bapa juga memainkan peranan penting untuk menyemai nilai patriotisme dalam kalangan anak-anak. Ibu bapa boleh menyertai pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan swasta bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan yang diadakan pada setiap tahun. Antaranya termasuklah mengibarkan *Jalur Gemilang* di rumah, larian kemerdekaan dan pertandingan peragaan pakaian kebangsaan.

Di samping itu, mereka juga boleh meluangkan masa dengan mengadakan sesi bercerita secara rutin harian atau mingguan berkaitan dengan tema sejarah atau kemerdekaan. Mereka juga boleh membawa anak-anak melawat ke tempat bersejarah yang terdapat di Malaysia seperti Kota A. Famosa dan Tugu Negara sambil bercerita tentang keistimewaan tempat tersebut kepada anak-anak. Hal ini secara tidak langsung dapat menimbulkan perasaan ingin tahu anak-anak terhadap sejarah Malaysia.

Nikmat kemerdekaan, keamanan dan keharmonian yang kita kecapi hingga kini harus dijaga dan dikekalkan. Warganegara Malaysia terutamanya belia yang bakal menerajui kepimpinan masa hadapan negara perlu menjaga amanah pejuang terdahulu dengan memastikan nikmat kemerdekaan yang kita kecapi ini berkekalan. Nilai patriotisme harus tersemat dalam diri setiap rakyat. Sekiranya kita alpa dan lalai dengan tanggungjawab ini, maka kepesatan arus globalisasi yang menghimpit dan penularan budaya hedonisme bakal meracuni pewaris kepimpinan negara pada masa hadapan. Setiap belia perlu diperkukuh dengan jati diri dan semangat cinta akan negara agar minda mereka tidak diracuni dengan anasir luar yang cuba mengintai untuk memusnahkan kedaulatan negara Malaysia. 🇲🇾

Penerapan Nilai Patriotisme dalam Sejarah

| Nilai Patriotisme | Penerapan dalam Sejarah |
|--|--|
| Memupuk rasa cinta akan negara dan bangsa. | Membuatkan rakyat sanggup berkorban untuk mempertahankan kedaulatan dan kesejahteraan negara. |
| Menghayati perlembagaan negara. | Menjadikan rakyat menyanjung dan menghormati perlembagaan dan lambang kedaulatan negara. |
| Membentuk semangat muhibah. | Menyatupadukan rakyat melalui permuafakatan, bersatu padu dan bekerjasama. |
| Membentuk disiplin. | Membentuk rakyat yang mempunyai disiplin yang tinggi dan sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang negara. |
| Memupuk sikap produktif. | Menjadikan rakyat sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan produktiviti demi keamanan dan kedaulatan negara. |
| Menyertai aktiviti kemerdekaan. | Membentuk rakyat yang aktif dan progresif dengan menyertai pelbagai aktiviti kemerdekaan. |
| Menghargai jasa tokoh dan pemimpin. | Memupuk sikap menghargai pejuang dan tokoh pemimpin yang berkorban demi kemerdekaan negara. |

Kepentingan Patriotisme kepada Negara

Memupuk semangat perpaduan antara kaum dan bangsa.

Membentuk masyarakat yang berdaya saing.

Menjadi pemangkin kepada kemajuan negara.

Menjadi teladan kepada generasi muda.

Memelihara sejarah negara.

Mengekalkan tradisi dan budaya tempatan.